

## Rakyat Sinkiang Menentang

Satu daripada dasar pemerintah Komunis yang lazim diamalkan di negeri-negeri yang dijajahnya ialah menghapuskan agama penduduknya dan menghancurkan kebudayaannya, dan di atas keruntuhannya ditegakkan faham dan kebudayaan Komunis. Makalah yang ringkas ini menggambarkan bagaimana rakyat Sinkiang - yang kebanyakannya beragama Islam – bangun menentang pemerintah Komunis dengan gagahnya. P. Q.

Setelah ditubuhkan pemerintahan Komunis maka urusan menyerahkan pentadbiran wilayah Sinkiang dari tangan pemerintah Russia kepada pemerintah China Komunis itu, tidaklah dapat dijalankan dengan licin dan teratur sebagaimana yang dicuba oleh pemimpin-pemimpin Komunis. Semenjak itu, pemerintah yang baharu ini tidaklah dapat menjalankan urusan-urusan pentadbiran dengan senang-lenang sahaja.


Semua orang tentu masih ingat akan keperwiraan Osman Batur, seorang daripada pemimpin-pemimpin Turki yang terkemuka, yang telah menentang penceroboh-penceroboh Russian bagi kali yang pertamanya. Setelah itu ia terus menentang penyerang-penyerang bangsa China Komunis yang datangnya dari arah selatan dengan ramainya kerana hendak menujuhan sebuah pemerintahan Komunis yang kuat dalam wilayah yang semenjak beratus-ratus tahun dahulu terkenal sebagai Turkistan iaitu tempat tumpah darah orang-orang Muslim di tengah-tengah benua Asia.

Kekalahan dan kematian Osman Batur, tidaklah bererti kekalahan bagi semua sekali orang-orang Muslim di wilayah

tersebut. Sinkiang tetap menjadi tanah air mereka dan mereka semuanya berazam akan mempertahankan diri mereka daripada sebarang langkah yang hendak mengongkong kehidupan, adat resam dan bahasa mereka.

Perihal perjuangan yang terus berjalan ini, telah diterangkan oleh seorang yang telah dapat melarikan dirinya ke dunia bebas dari daerah Urumqi. Orang ini bernama Afvalbak. Ia mengatakan bahawa ia biasa berulang-alik di jalan yang biasa dilalui oleh saudagar-saudagar kerana membeli dan menjual kuda. Katanya lagi perniagaannya masa itu bolehlah dikatakan maju. Apabila datang orang-orang Komunis, ia dan saudagar-saudagar yang lain sepertinya telah tertolak ke tepi dalam perniagaan oleh wakil-wakil pemerintah Komunis.

Semasa dalam perjalanan pulang dari daerah Urumqi ke bahagian barat daya Sinkiang dalam bulan Januari 1955, ia nampak ada bukti-bukti yang menunjukkan suasana yang sibuk di bandar Khutan dan juga adanya askar-askar di sana sini. Ia tidak singgah di bandar Khutan tetapi meneruskan perjalannnya jauh sedikit



*Tengku Abdul Rahman Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dalam lawatannya di Pulau Pinang*

*sedang disambut oleh penduduk-penduduk Teluk Bahang Pulau Pinang.*

\*\*\*

dan bermalam di sebuah tempat tumpangan kira-kira beberapa batu jauhnya dari bandar Khutan itu. Di sinilah ia mendapat tahu tentang kesibukan yang dilihatnya tadi.

Kisahnya ialah beberapa ribu orang penduduk kampung dan bandar telah mengadakan perhimpunan menunjukkan perasaan kerana membantah langkah-langkah keras yang dijalankan oleh pihak pemerintah Komunis, yang diantaranya mengacau perkara-perkara agama dengan tidak tentu hujung pangkalnya, dan juga kerana tidak dapat membeli barang-barang keperluan hari-hari di pasar-pasar disebabkan oleh adanya kawalan-kawalan makanan yang tidak adil dan merampas tanah-tanah ladang untuk dijadikan milik negara.

Orang-orang yang menunjukkan perasaan itu yang diketuai oleh Mului Abdul Hamid, telah menyerang pegawai-pegawai dan bangunan-bangunan pemerintah. Askar-askar pun dihantarkan ke tempat berlakunya serang-menyerang itu dan menyuraikan mereka dengan melepaskan tembakan-tebakan ke atas mereka. Kedua-dua belah pihak sama banyak mendapat kecederaan, tetapi kebanyakan daripada orang-orang yang menganjurkan perhimpunan itu, termasuk Mului Abdul Hamid, telah dapat melarikan

dirinya. Ada juga beberapa orang yang tertangkap dan pihak pemerintah mengisyiharkan bahawa sesiapa juga yang memberi perlindungan kepada Mului Abdul Hamid, akan dipenggal lehernya.

Afvalbak seterusnya menceritakan bahawa ia nampak kegelisahan berlaku di mana-mana pun tempat yang pernah ia lawati, dan rasa gelisah ini tidaklah terhad kepada golongan kaum tani sahaja. Ia masih ingat bahawa beberapa bulan setelah berlaku peristiwa di bandar Khutan, lebih kurang 380 orang dalam sebuah kawasan pentadbiran di Sinkiang Utara, telah ditangkap kerana dituduh melakukan perbuatan-perbuatan yang menentang pihak pemerintah. Di antara orang-orang yang ditangkap itu termasuk juga beberapa orang pegawai pemerintah.

Baharu-baharu ini, pemimpin-pemimpin Komunis telah menukar nama wilayah itu menjadi jajahan Sinkiang – Uyghur yang berkuasa. Tetapi pertukaran nama ini tidak sedikit pun mengubah kehidupan mereka, bahkan perjuangan mendapatkan kebebasan masih terus berlaku.

seluruhnya, kepada kebaikan supaya sama-sama mendapat pertunjuk luhur dari hidayah Tuhan yang dibawa oleh junjungan kita Muhammad (SAW). Tegasnya diminta kepada seluruh umat yang lain supaya beragama dengan agama Islam. Ini telah dituntut kepada kita kerana kita telah dijadikan Tuhan umat pertengahan, sebagaimana firman-Nya dalam surah *al-Baqarah* ayat 43.

Darjah yang kedua : Seruan yang dilakukan oleh kaum muslimin kepada sesamanya yakni ingat beringati antara mereka dengan rakan dan sahabatnya bersama-sama menyuruh mengerjakan yang makruf dan menghapuskan yang mungkar.

Menurut tafsir kepada ayat ini ada dua jalan umum untuk melaksanakan hal ini:


Pertama – Dengan jalan menerangkan jalan-jalan kebaikan dan menyesuaikan yang demikian itu atas segala hal-hal yang memberi bekas kepada diri manusia iaitu perumpamaan yang menarik hati pendengarnya, dan keadaan itu tentu pula menurut keadaan seseorang. Untuk melakukan yang demikian ini tentulah akan dapat dilaksanakan oleh umat yang tertentu dan mengetahui akan rahsia-rahsia hukum dan hikmah-hikmah Islam serta fiqah.

Darjah yang kedua: Seruan yang tertentu iaitu antara beberapa orang sesamanya. Dalam bahagian ini serupa sahaja keadaannya orang yang alim dan orang yang jahil iaitu di antara orang yang berkenalan dalam menunjukkan yang baik, mengajurkan ketika kawannya itu berpaling, lalai, mengingatkannya ketika ia melakukan kejahanan. Sekaliannya ini termasuk dalam bahagian wasiat-mewasiati dengan hak dan sabar: dalam hal ini tiap-tiap seorang mengambil bahagiannya menurut kadar dan kesanggupannya.

Tiap-tiap ahli Ikhwan yang kita seru bersama-sama mengambil bahagian ini tidaklah kita seru kepada bahagian yang pertama

dan yang besar serta luas itu tetapi kita menyeru sekadar kepada bahagian-bahagian yang kedua yang kita jalankan supaya kita sesama kita dapat ingat-beringat, mengajak kepada berbuat baik dan mengajak menjauhkan daripada kejahanan. Yang pertama wajib kita buat ialah kita lebih dahulu mengajak diri sendiri, tiap-tiap ahli Ikhwan, berbuat baik, melakukan kebaikan dan mengajak serta membiasakan diri kita menjauhkan segala kejahanan. Di mana kita berada maka hendaklah kita melapangkan dada dan hati kita berbuat baik memberi pertolongan kepada manusia khususnya terlebih dahulu kepada saudara mara kita, isi rumah kita, kemudian kepada masyarakat kita. Kalau ada terbit di dalam hati kita untuk melakukan sesuatu perkara yang ditegah maka ingatlah dan ingatkanlah di hati kita masing-masing bahawa kita ini telah termasuk di dalam lingkungan orang-orang yang diseru oleh Tuhan supaya berbuat baik, supaya berkelakuan baik dan supaya berbuat kebajikan.

Kemudian setelah diri kita sendiri dapat kita jaga, dapat kita kawal dan dapat kita ajak berbuat kebaikan maka sebarkanlah kebaikan itu kepada sekitar kita, ajaklah ia berbuat kebajikan, membuat baik dan tegahlah ia dengan cara yang baik, dengan cara pertunjuk yang baik, daripada melakukan kejahanan-kejahanan. Kalau saudara, ahli Ikhwan, sudah berbuat yang demikian itu di dalam tiap-tiap keluarga saudara sendiri dan keluarga yang lain berbuat yang sedemikian itu pula, maka di dalam masyarakat saudara itu nanti akan ada tentera-tentera Allah yang menyeru daripada berbuat baik dan menegah daripada berbuat kejahanan. Mudah-mudahan dengan langkah yang pertama itu nanti kita bersama ahli Ikhwan akan pula bekerja mencapai kepada darjah yang pertama yang menyeru kepada seluruh umat melakukan kebaikan, menegah daripada kejahanan. Kepadanya kita meminta dan berdoalah saudara-saudara supaya Allah memberi



*Tidak berapa lama sebelum berangkat melawat Amerika dan Eropah, Presiden Sukarno telah menjamu calon-calon Attache tentera Indonesia yang terdiri dari 28 orang bertempat di Istana Merdeka. Gambar: Calon-calon tersebut sedang diterima oleh Presiden.*

\*\*\*\*\*

pertunjuk dan hidayah dan supaya kita menjadi orang-orang yang diseru oleh-Nya untuk menyampaikan amar makruf dan nahi mungkar, menyeru kepada kebaikan dan menegah daripada kejahanan.

### 3. Berbuat baik kepada tiap-tiap manusia

Sebenarnya bahagian yang ketiga ini dan seterusnya bahagian keempat dan kelima sudah termasuk di dalam bahagian menyeru kepada kebaikan dan menegah daripada kejahanan tetapi untuk pecahannya maka pengelola seruan ini berpendapat molek dipecah-pecahkan pula.

Tidak ada seorang yang hidup di dalam dunia ini yang dipandang orang mulia selain daripada orang yang baik –

baik tutur katanya ; baik perangainya, baik budi bahasanya dan baik tertibnya. Seseorang yang teranjak ke sana teranjak ke mari tidak tahu adab sopan santun, tidak tahu menghormati orang, tidak tahu bergaul dengan manusia, maka orang itu bukan sebagai orang yang baik tetapi dipandang sebagai “budak-budak kecara” sebagai kata orang Singapura. Kita hendak berbuat baik kepada manusia mestilah kita memperbaiki diri kita sendiri dahulu. Kita hendak menyeru orang kepada berbuat baik maka sudah tentu dengan keadaan kita, orang tidak akan memandang kita orang yang baik kalau tutur kata kita sendiri tidak

baik. Sebab itu ahli-ahli Ikhwan diminta dengan sangat-sangat menjaga tutur kata, budi fikiran dan kelakuan yang baik, supaya berbekas kita menyeru orang nanti bersama-sama kita kepada kebaikan itu dengan contoh-contoh yang ada pada diri kita masing-masing. Bagaimana caranya? Tuhan menyeru dan menunjukkan kepada kita demikian (firman-Nya).

*Ud u ۖilā sabīlِ rabbaka bۖi al-ḥikmati wa al-mawۖi ۚizati al-ḥasanati wajā dil hum bۖillā hiya ahsanu.*

Ertinya “Seru olehmu kepada jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan (hikmah) dan pengajaran yang baik dan bantahilah mereka itu dengan cara yang sebaik-baiknya.”

Kalau kita berkeyakinan menyeru orang kepada berbuat baik maka sudah tentulah caranya, menggunakan kebijaksanaan dan memberikan pertunjuk dengan pengajaran yang baik dan menegur segala kelakuan yang dilakukan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.

Saudara-saudara ahli Ikhwan tentulah melihat kepada tabiat manusia sekarang. Mereka tidak boleh ditegur dengan cara teguran yang gitu. Mereka akan memperlok-lokkan kita kalau kita tegur dengan cara kasar maka mereka tidak mahu menerima kerana itu gunakanlah kebijaksanaan cara mana kita membantah kelakuannya ; dan asas yang pertama untuk ini semua maka dalam pergaulan bersama dengan mereka itu hendaklah saudara sebagai ahli Ikhwan ingat akan tanggungan iaitu tiap-tiap diri ahli Ikhwan itu hendaklah menunjukkan perangai-perangai yang baik, budi bahasa yang baik, lemah lembut dan menggunakan tiap-tiap kebijaksaan supaya saudara menjadi daya penarik kepada teman-teman saudara untuk mengikut kelakuan san perangai saudara. Seperkara yang sangat besar yang patut diingat jangan saudara

tertarik oleh perbuatan-perbuatannya. Kalau saudara terus kuat pengaruhnya kepada saudara maka ingatlah atau ingatkan di dalam hati saudara bahawa saudara telah menjadi ahli Ikhwan dan tiap-tiap ahli Ikhwan itu ialah orang yang menyeru kepada berbuat baik. Apakah ertinya kalau saudara sendiri akan terjebur kepada kelakuan kejahatan yang saudara dikehendaki menjauhkan diri daripadanya.

Mudah-mudahan dengan ingatan yang ada dan tetap di hati saudara insya-Allah saudara sentiasa akan ingat bahawa saudara orang yang menyeru kepada perbuatan kebaikan dan membantah perbuatan kejahatan dengan kebijaksanaan dan hikmah.

4. Berusaha menjalankan seruan-seruan agama di mana ia berada dan dengan sedaya upaya masing-masing.

Saudara-saudara telah mengakui di dalam bahagian yang pertama bahawa Muhammad itu pesuruh Allah, seruan dan tunjuk ajarnya adalah wajib kita ikuti kerana semuanya datang daripada Allah.

Rasulullah *ṣallālлаhu ‘alaīhi wasalam* telah menjadikan umatnya, tiap-tiap orang dari umatnya, ialah pendakwah agama dengan apa cara dan daya sekalipun. Yang demikian diwajibkan beliau dengan sabdanya :

*Ballā ghū ‘ayyā walaw āyatān.*

Ertinya : “Sampaikan olehmu daripadaku walau satu ayat pun”. Menyampaikan seruan-seruan Tuhan itu bukannya saudara mesti berpengertian tinggi, mesti berilmu tinggi, tidak! Kewajipan itu ditanggungkan kepada tiap-tiap pemeluk agama Islam. Menyampaikan seruan junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallālлаhu ‘alaīhi wasalam* itu tidak hanya diserukan kepada ulama-ulama sahaja tetapi tanggungjawab tiap-tiap umat yang mengaku kalimah al-tauhid. Sepatah saudara ketahui daripadanya maka yang sepatah itu hendaklah saudara sampaikan kepada sesiapapun juga

dengan cara lemah-lembut dan bijaksana.

Sebab itu juga ada tempat saudara tiga empat ahli-ahli Ikhwan maka cubalah berikhtiar, kalau saudara sendiri boleh memimpin ada lebih baik, kalau tidak carilah orang lain supaya di situ diadakan kursus (pengajaran) agama khususnya di dalam perkara kursus-kursus tauhid supaya meyakinkan kepada saudara keyakinan-keyakinan yang tetap dan tepat, keyakinan yang tidak akan menganjak hati saudara menjadi tentera Allah walaupun dihadapkan dihadapan saudara senjata yang tajam, api yang panas, dan segala-galanya untuk memalingkan hati saudara kepada keyakinan tauhid yang kuat itu. Serulah di mana saudara berada supaya orang itu menghadapkan dirinya kepada Allah dan taat kepada perintah Allah. Asasnya mesti diingat pada bahagian yang ketiga iaitu hendaklah dalam seruan itu dengan baik, bijaksana dan diberi pelajaran-pelajaran.

Tunjukkanlah kelakuan-kelakuan yang baik dan carilah ikhtiar-ikhtiar supaya mempunyai satu daya penarik untuk mereka. Asas yang pertama lebih dahulu iaitu diri saudara kemudian ahli rumah saudara bahanaruh saudara mengadapkan seruan itu kepada luar dari lingkungan itu.

##### 5. Bersefahaman dan berkasih sayang di antara sekalian orang Islam khususnya keluarga Ikhwan.

Di dalam bahagian yang kelima inilah gunanya mengapa kita mengesyorkan supaya ada lencana-lencana (*badge*) yang kita pakai. Kalau saudara menggunakan lencana di dada saudara maka itu menunjukkan saudara seorang ahli Ikhwan. Kewajipannya berbuat baik, mengikat silaturrahim di antara saudara-saudara Islam. Bertutur kata baik, berkelakuan lemah lembut dan berperangai dengan perangai yang baik supaya ahli Ikhwan itu menjadi contoh yang baik kepada umat. Cara-cara inilah sahaja ikatan dan pertalian persaudaraan Islam dapat diikat, dapat ia menjadi

satu, sebagai satu badan yang satu seperti disabdarkan oleh Rasulullah. Kalau saudara tidak menunjukkan kasih mesra, tegur sapa yang baik kepada sesama umat Islam sudah barang tentu saudara tidak akan mengetahui kepayahan dan kesusahan hidup masing-masing - hidup saudara sebagai orang yang nafsu-nafsi.

Begitu juga kalau saudara berjalan melihat ada orang yang memakai lencana Ikhwan utamakanlah supaya menegurnya, supaya memberi salam, tanya kepadanya : Saudara dari mana, hendak ke mana, tinggal di mana dan apa nombor saudara di dalam Ikhwan, dan disebalik itu jangan lupa menawarkan apakah khidmat-khidmat yang boleh saudara beri kepadanya. Ia boleh jadi musafir ataupun seumpamanya. Rasulullah (SAW) bersabda :

*Izā khaṭa rajulān fās ‘alhu ‘anīsmihi wāsmi  
ābīhi fā in kāna ghā’ibān ḥafiztahu wa in kāna marīḍān  
'ud nahu wa in māta shahid tahu.*

(H.R. *Al-Baīhaqī*)

Ertinya : “Apabila engkau bersaudara dengan seseorang, hendaklah engkau tanya akan namanya dan nama ayahnya. Jika ia pergi ke mana-mana hendaklah engkau pelihara akan kehormatannya, dan jika ia sakit hendaklah engkau ziarahinya, dan jika ia mati hendaklah engkau datangi”.

Beramah-tamalah dengan cara yang baik, tegur sapa yang baik untuk merapatkan mahabbah di antara satu dengan lain.

Perlu diperingatkan bahawa kalaupun dia musafir janganlah orang yang dipelawa itu pula cuba memberatkan orang yang mempelawanya. Timbang-menimbanglah di antara satu dengan lain. Yang diutamakan ialah ramah-tamah, berkasing mesra dan tanamkanlah perasaan mengasihi sahabat Ikhwan itu sebagaimana saudara mengasihi diri

sendiri.

Anjuran kami di dalam perkara itu tidak lain ialah menghidupkan roh persaudaraan Islam yang ditanamkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad (SAW). Persaudaraan yang sebagai menjadi jasad yang satu, jiwa yang satu, perasaan yang satu yang tidak dapat dibelahbagi – sakit seseorang, yang lain merasa sakit bersama. Bayangkanlah oleh saudara-saudara bagaimana ikatan persaudaraan di antara orang-orang Madinah Muhajirin orang-orang Mekah, dengan orang Ansar orang-orang Madinah. Kebunnya, hartanya bahkan ada yang sampai akan memberikan isterinya (sesudah diceraikan) kepada sahabatnya dan bagaimana pula sahabat-sahabat Muhajirin yang datang ke Madinah itu menyambut – bukannya mereka menerima tawaran dan pemberian itu dengan senang-lenang, dengan begitu sahaja, tetapi sambutan itu diterima mereka sebagai bantuan, sementara belum kuat berdiri, ertinya mereka menerima bantuan sekadar untuk bertapak dan apabila sudah bertapak memulangkan bantuan-bantuan itu kepada yang memberi.

Ukhwah atau persaudaran yang dibina oleh kedua-dua golongan itu patut tertanam di dalam sanubari kita.

Menolong saudara dengan ikhlas dan yang ditolong tahu kewajiban dan tanggungjawabnya. Tolong menolong merapatkan ukhwah itu hendaklah dengan kadar dan upaya masing-masing, yang seorang tidak memberikan kepada seorang yang lain dan tidak mengambil senang kepada pertolongan yang diberi.

Kita berpendapat tentang hal ini tidak akan dapat hidup di sanubari saudara-saudara melainkan saudara-saudara sendiri berusaha menanamnya di dalam sanubari saudara. Mudah-mudahan dapat kita bersama membiasa dan mengamalkan pertunjuk-pertunjuk ini dan kami pihak pengelola insya-Allah dari satu ke satu masa akan menggambarkan riwayat-riwayat hidup perseorangan sahabat-sahabat

Rasulullah itu mudah-mudahan ia akan dapat menimbulkan roh persaudaraan Islam, roh berkasih sayang di antara seorang dengan seorang Islam, roh berbuat baik dan berbuat kebajikan sebab telah beribus tahun lamanya roh yang sedemikian itu bukannya semakin tebal tetapi semakin tipis dan telah bersifat kepada keadaan bernafsu-nafsi.

Insya-Allah apabila kita mendapat penyokong-penyokong yang kuat, kita akan mengadakan ruangan bertukar-tukar fikiran di antara saudara-saudara untuk menyampaikan soalan masyarakat kita. Bagi sementara ini kita berharap jika saudara telah mengenal nama dan alamat masing-masing kalau boleh beratus-utus suratlah mengenalkan diri masing-masing dan mengikhtiaran bekerjasama untuk melakukan kebaikan-kebaikan kepada masyarakat. Jaya atau tidak usaha ini adalah kita gantungkan kepada Allah *subḥānahu wa ta’alā* dan kerana itu kita berharap mudah-mudahan ia akan memberi hidayah dan taufik kepada kita bersama, untuk menimbulkan ukhwah persaudaraan kita antara satu dengan yang lain – amin.

*Innallāha ya ‘muru bil ‘adli wal ihsāni wa ḫā'i dhī al-qurbā wa yanḥā ‘ani al-fahshā'i wāl munkari wal baghyi ya ‘izukum la `allakum tadħak karūna.*

“Bahwasanya Allah menyuruh berbuat adil dan kebaikan dan memberikan pertolongan kepada kaum kerabat, dan ia melarang daripada kejahanan, perkara-perkara yang keji dan pencerobohan, (demikianlah) diajarinya kamu mudah-mudahan kamu beroleh peringatan.” (*An-Nahl* : 90)

Di sebalik itu orang-orang masih percaya bahawa tidak semua orang-orang Melayu di dalam UMNO sepengertian dengan pucuk pimpinan, yang demikian nampak daripada bantahan-bantahan dari Johor Bharu, Klang (Kluang) dan lain-lainnya di dalam perkara ini. Kalau sekiranya pucuk pimpinan dalam perkara ini bersifat “diktator” maka orang-orang Melayu mesti ingat bahawa bukannya sahaja orang Melayu telah beralih banyak tetapi akan memberi lebih banyak lagi akan hak-haknya. Harus tidak akan ada satu pun lagi hak-haknya yang ada ditangannya, semuanya akan dibolot oleh orang lain kerana ketulusan pucuk pimpinan di dalam perjuangan menegakkan “hak-hak bangsa Melayu”.

\*\*\*

Rombongan merdeka Singapura yang berunding ke London itu nampaknya sudah gagal. Pucuk pimpinan yang banyak cakap itu kalau masa perginya tertawa membaca tanda-tanda tangan yang dikatakan ditulis daripada rakyat jelata dengan satu cara yang tak jujur, dalam masa yang akhir-akhir ini kelihatannya muram dan harus menangis menyampaikan hasratnya – bukan hasrat rakyat jati – kepada tujuan kemerdekaan di Singapura. Hari ini ia berkata begitu dan esoknya dibalik-balik lagi. Dengan cara yang demikian itu ketua rombongan itu dengan sendirinya telah menjatuhkan taraf dan maruahnya dan sebalik itu dengan adanya sifat-sifat yang demikian adakah orang-orang yang serupa ini boleh diharap untuk memimpin rakyat? Kita pulangkan hal yang demikian ini kepada umum penduduk Singapura. Biarlah masing-masing kita lihat apakah kesudahannya rombongan itu sedang yang kita ingat ialah seratus lima puluh ribu ringgit perbelanjaan ditanggung oleh rakyat.

\*\*\*

Akhbar tempatan Melayu di Singapura nampaknya telah beriya-iya benar mengatakan bahawa persidangan penuntut-penuntut Asia - Afrika yang bakal bersidang di Bandung itu adalah sama sekali dimomokkan sebagai perhimpunan yang dianjurkan oleh orang-orang Komunis – ertiinya bahawa persidangan penuntut-penuntut Asia – Afrika itu bukanlah anjuran Komunis. Cara berfikir daripada rakan kita itu di dalam perkara ini memang seperti biasa - pembaca-pembaca sendiri harus maklum aliran mana yang dicenderunginya dari masa ke masa.

\*\*\*

Bagi orang yang membaca dan memerhatikan keadaan itu tentu cukup mengetahui bahawa adanya persidangan itu terbitnya daripada persidangan di Warsaw dahulu, di dalam mana sebuah pertubuhan yang menyertai itu menandatangani pernyataan bersama (statement). Sepulangnya di Indonesia tandatangan wakil itu dibantah kerana berlawanan dengan dasar tugas yang diberi kepadanya, dan kerana itulah maka tuntutan mahasiswa Islam menolak mentah-mentah akan penyertai persidangan itu, sebab alirannya dialirkkan oleh puncak persidangan Warsaw yang dianjurkan oleh Komunis dahulu.

Ketika telah membaca di dalam majalah “Gema” majalah Suara Mahasiswa Indonesia Gadjah Mada, terbit di Jogja, yang menyatakan pihak Gadjah Mada sendiri menolak kehormatan yang diberi sebagai pucuk pimpinan atau mengetuai persidangan itu. Sebabnya tidak lain, bukannya sahaja mahasiswa-mahasiswa Islam yang menolak tetapi juga mahasiswa-mahasiswa kebangsaan sama menolak. Sebab aliran-aliran yang disalurkan di sana suaranya bukan bebas tetapi ditujukan kepada aliran blok-blok siasah yang sepatutnya tidak dicampuri oleh penuntut-penuntut yang bebas. Kita banyak mempunyai keterangan di dalam hal ini dan sebab itulah jangan terlampau berkокok kerana awak seorang sahaja sekarang sedang fikiran-fikiran yang

berlawanan dengan pendapat awak nampaknya dari satu

masa ke satu masa dibendung dan tidak dikeluarkan

- syabas. Inilah kewartawan cari baharu – Bung!

\*\*\*

Sebagai penutup ruangan ini, kita merasa mustahak

memperingatkan orang Melayu tentang permainan “tutup ibu”

yang dilakukan di dalam perkara tuntutan kerakyatan

jus soli. Sidang pembaca tentu sudah melihat dan

memerhati tentang bijaknya orang-orang asing itu menjalankan

siasatnya. Orang yang mengikuti akhbar melihat dengan nyata

atau dengan tepat bahawa terbitnya atau hidupnya semula

masalah jus soli itu sesudah ada ura-ura kerajaan

British menghantarkan suruhanjaya ke Malaya. Aliran yang

pertama yang cenderung sepanjang ingatan kita ialah

dihidupkan oleh Sir Cheng Lock Tan seorang yang

terkenal dari masa sebelum perang menghendaki berjalan

tuntutan-tuntutan itu kemudian ia disambut oleh persekutuan-persekutuan

Cina-Cina di Ipoh, lalu kemudiannya mengadakan mesyuarat

di Kuala Lumpur dan beramai-ramai menutup mesyuarat

itu dengan berseru “Hiduplah Republik Cina”. Kalau

tidak ada angin masakan pokok bergoyang – ini adalah

tanda-tanda hasrat yang tersimpan di dalam sanubari itu

- di mana taat setia mereka. Sir Cheng Lock Tan

apabila melihat reaction yang hebat dari orang-orang Melayu

(masa itu belum ada siaran ibu pejabat UMNO kepada

cabang-cabangnya) lalu mengubah haluannya dengan mengatakan bahawa

yang demikian akan diserahkan kepada suruhanjaya itu

nanti. Setelah itu berubahlah aliran-aliran tuntutan jus

soli semakin kurang keluar di surat khabar kerana

harus pemimpin-pemimpin orang Cina itu melihat bahayanya

kalau diributkan sedang harus pula mereka akan

dapat pengeluar bertarik di dalam rundingan dengan beberapa

orang pemimpin UMNO yang berpengaruh yang dapat memaksa

orang-orang UMNO takluk kepada kehendak mereka.

Kejadian ini dengan sendirinya meletakkan Tengku

Abdul Rahman dan pengikut-pengikutnya, di dalam satu imbalan

dacing. Apabila ia nanti berat kepada anak-anak dagang maka

kita percaya, sebagai yang telah berlaku, pengikut-pengikutnya

akan bergerak untuk mengapikannya. Bahkan sebaliknya

apabila ia berat kepada maslahat-maslahat yang sebenarnya bagi bangsa

Melayu seperti yang umum dikehendaki oleh orang-orang

Melayu maka dengan sendirinya ia akan memecahkan perikatannya

dan terbitlah pertentangan-pertentangan yang bersalahan dengan akuan janjinya.

Orang Melayu, sama ada di dalam UMNO dan diluarnya

memandang bahawa perkara jus soli bukannya lagi

masalah Perikatan tetapi masalah kebangsaan

yang mustahak dipertahankan di dalam perpaduan seluruh

bangsa Melayu. Dengan itu tidak hairan bahawa di mana-mana

tempat di dalam UMNO sudah timbul sayap kirinya yang

memerhati gerak-gerak ke mana mereka di bawa oleh pemimpin-pemimpin

mereka. Zahir sekarang, menurut pendapat seorang ahli

siasah Melayu yang bebas, perjalanan UMNO sekarang

seperti perjalanan air laut di atasnya pasang deras

sedang air di bawah surut, ertiinya yang boleh kita

fahamkan bahawa rupanya di dalam kemajuan dan mara

ke hadapan tetapi di dalamnya telah ada hidup jiwa-jiwa

reaksioner yang tidak mahu dibawa begitu sahaja oleh

kehendak-kehendak pucuk pimpinan. Mudah-mudahan ini diperhati

oleh pucuk pimpinan UMNO supaya perjalannya

sentiasa hampir kepada rakyat – tidak pimpinan di mana dan

rakyat di mana.